



9 Mac 2016
9 March 2016
P.U. (A) 58

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT KAJANG UTAMA) 2016

FEDERAL ROADS (KAJANG UTAMA INTERCHANGE) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT KAJANG UTAMA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Kajang Utama) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 Mac 2016.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Kajang Utama yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang, bermula di kilometer 20.20 di koordinat U 10797.085, T 21754.686 Grid Cassini Negeri Selangor dan berakhir di kilometer 20.80 di koordinat U 10412.907, T 21770.802 Grid Cassini Negeri Selangor, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.00 Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang di koordinat U 16263.39, T 1972.07 Grid Cassini Negeri Selangor dan berakhir di kilometer 31.60 di koordinat U 18948.31, T 2674.87 Grid Cassini Negeri Selangor termasuklah Persimpangan Bertingkat Balakong, Persimpangan Bertingkat Sungai Long, Plaza Tol Sungai Long, Persimpangan Bertingkat Kajang Perdana, Persimpangan Bertingkat Kajang Prima, Plaza Tol Bukit Kajang, Tanjakan Masuk dan Keluar ke dan dari Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang, Persimpangan Bertingkat Jalan Reko, Plaza Tol Sungai Ramal (T), Plaza Tol Sungai Ramal (B), Persimpangan Bertingkat Sungai Ramal, Persimpangan Bertingkat Country Heights, Persimpangan Bertingkat Unien dan Persimpangan Bertingkat U.P.M dan dari kilometer 24.40 di koordinat U 21409.58, T 6698.84 Grid Cassini Negeri Selangor hingga ke kilometer 29.90 Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang di koordinat U 17189.88, T 7851.82 Grid Cassini Negeri Selangor termasuklah Persimpangan Bertingkat

Sungai Chua, Plaza Tol Sungai Balak dan Persimpangan Bertingkat Sungai Balak dan jalan sambungannya dan berakhir di kilometer 31.60 di koordinat U 18948.31, T 2674.87 Grid Cassini Negeri Selangor, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.